

## Imigresen lanjut operasi kaunter sehingga 10 malam

**PUTRAJAYA** - Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) akan melanjutkan waktu operasi di pusat pengeluar pasport cawangan terpilih di Semenanjung Malaysia sehingga jam 10 malam bermula Rabu.

Ketua Pengarahnya, Datuk Khairul Dzaimie Daud berkata, pelanjutan waktu operasi itu melibatkan Putrajaya, Kuala Lumpur, Selangor, Johor, Negeri Sembilan dan Melaka.

“Bagaimanapun, bagi Pulau Pinang, Kedah, Perak, Kelantan, Terengganu, Kelantan dan Perlis, waktu operasi sehingga jam 6 petang.

“Bagi semua Pusat Transformasi Bandar (UTC) di seluruh Semenanjung Malaysia pula, waktu operasi sehingga jam 10 malam.

“Semua pejabat pasport di Semenanjung



**Khairul Dzaimie (kanan) meninjau orang awam yang berurusan di Pejabat Pasport Imigresen di Menara Ikhlas, Putrajaya pada Isnin.**

Malaysia akan beroperasi pada Sabtu bermula jam 8 pagi hingga 12.30 tengah hari bermula 14 Mei ini,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar di Pejabat Pasport di Menara Ikhlas di sini pada Isnin.

Sementara itu, Khairul Dzaimie berkata, rakyat Malaysia yang ingin menunaikan ibadah haji boleh terus hadir ke mana-mana pejabat pengeluar pasport dengan membawa surat tawaran daripada Lembaga Tabung Haji.